



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

10 JULAI 2023 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

10 JULAI 2023 (ISNIN)

Kegiatan tukar label kampit beras isu serius

Pemborong curang seleweng makanan ruji rakyat patut kena tindakan

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dakwaan wujud kegiatan pemborong menukar kampit beras tempatan kepada beras import semata-mata untuk mengaut keuntungan tidak boleh dipandang remeh memandangkan ia membabitkan produk makanan ruji itu yang dikawal selia kerajaan.

Justeru, Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, berkata pihaknya tidak teragak-agak mengambil tindakan jika benar berlaku kegiatan sedemikian seperti di dakwa.

"Perkara ini tak boleh main-main sebab beras tempatan adalah di bawah Peraturan Kawalan Gred dan Harga, Akta Kawalan Padi dan Beras 1994.

"Pihak kami akan ambil tindakan segera sekiranya laporan itu benar-benar serius dan ini termasuk menjalankan siasatan (untuk memastikan jika kegiatan itu benar-benar berlaku)," katanya kepada BH.

Laporan muka depan BH sebelum ini mendedahkan kegiatan segelintir pemborong beras yang mahu mengaut untung dengan cuba memanipulasi harga kawalan ditetapkan kerajaan, melalui cara menukar kampit beras tempatan kepada beras import.

Presiden Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia, Musonnef



Md Radzi, yang mendedahkan perkara itu berkata, antara punca disebabkan kos tinggi untuk mengeluarkan beras tempatan sedangkan untuk menjual dengan harga kawalan kerajaan iaitu pada RM26 bagi 10 kilogram (kg) beras adalah sukar.

Musonnef menambah, penipuan boleh berlaku disebabkan kilang besar yang majoritinya menguasai rantaian industri beras.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan Jumaat lalu memaklumkan ketika ini, harga pasaran beras putih import pada peringkat runcit majoritinya masih pada paras RM32 dan ke bawah bagi setiap beg 10kg.

Azman menegaskan, kawalan harga ke atas beras tempatan dibuat bagi memastikan rakyat dapat membeli beras pada harga mampu milik.

Ketika ini, katanya, harga beras import tidak dikawal bertujuan memberikan pilihan kepada rakyat untuk menikmati beras tempatan pada harga lebih rendah.

"Sekiranya beras import dijual RM30 ke atas, maka pengguna masih mampu membeli beras tempatan yang dijual RM26 bagi 10kg."

"Pihak kami sentiasa melakukan kawalan di pintu kilang, pemborong dan peruncit bagi me-



astikan tiada pihak mengambil kesempatan ke atas jualan beras tempatan dan import.

"Malah, mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga sewenang-wenangnya membabitkan beras tempatan boleh dikenakan tindakan undang-undang jika pemeriksaan mendapati berlaku kesalahan itu," katanya.

Dalam pada itu, Azman berkata, kawalan dan operasi sering dijalankan pihaknya untuk mengelak risiko kegiatan seperti menukar kampit beras tempatan kepada import, malah sekatan juga diletakkan ke atas pembelian minimum padi iaitu RM1,200

per tan bagi memastikan harga padi tidak melambung tinggi.

"Kalau diletakkan RM1,600 atau RM1,700 per tan, tidak mungkin pengilang mampu mengampit beras."

"Kita juga buat kawalan pemin-dahan padi, selain mengawal harga di pintu kilang RM2,250 per tan dan

RM2,540 di peringkat runcit. Jadi, bila buat operasi saya sudah tahu berapa pengeluaran benih padi dan penjualan," katanya.

KPDN belum terima aduan

Sementara itu, Ketua Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Adam, berkata kegiatan menukar kampit beras tempatan kepada kampit beras import boleh diambil tindakan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 jika dibuktikan bersalah, berikutan memaparkan perihal dagangan palsu.

Beliau berkata, namun pihaknya belum menerima sebarang aduan berhubung taktik terbabit sejak beliau berada di kementerian itu tiga tahun lalu.

Justeru, beliau meminta pihak yang mempunyai maklumat berhubung perkara terbabit memaklumkan terus kepada KPDN, selain Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan berikutan mereka lebih mengetahui berhubung perbezaan beras tempatan dan import.



Azman Mahmood



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

10 JULAI 2023 (ISNIN)

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 JULAI 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Jul	KPKM henti kebergantungan beras import	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/267301	SH
10-Jul	Cadangan jual susu formula pesakit kanser di hospital perlu diteliti, bincang	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/985882/cadangan-jual-susu-formula-pesakit-kanser-di-hospital-perlu-diteliti-bincang	HM
10-Jul	KPDN beri amaran jangan tukar kampil beras tempatan kepada import	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1124385/kpdn-beri-amaran-jangan-tukar-kampil-beras-tempatan-kepada-import	BH
10-Jul	Stern action against those switching rice labels, packages: KPDN	https://www.thesundaily.my/local/stern-action-against-those-switching-rice-labels-packages-kpdn-EC11206543	THESUNDAILY
10-Jul	KPDN akan ambil tindakan tegas terhadap pihak tukar bungkusan, label beras	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-akan-ambil-tindakan-tegas-terhadap-pihak-tukar-bungkusan-label-beras-427351%3famp=1	ASTROAWANI
10-Jul	Tindakan tegas jika tukar label beras tempatan ke import	https://www.kosmo.com.my/2023/07/09/tindakan-tegas-jika-tukar-label-beras-tempatan-ke-import/	KOSMO
10-Jul	Tindakan tegas jika tukar bungkusan, label beras - KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/07/985975/tindakan-tegas-jika-tukar-bungkusan-label-beras-kpdn	HM
10-Jul	Stern action against those switching rice labels, packages: KPDN	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2204899	BERNAMA
10-Jul	Tukar bungkusan/label beras tempatan, KPDN ambil tindakan tegas – Salahuddin	https://my.lifeneagency.com/2023/07/09/tukar-bungkusan-label-beras-tempatan-kpdn-ambil-tindakan-tegas-salahuddin/	LIFENEWSAGENCY
10-Jul	Salahuddin: Domestic Trade Ministry to take stern action against those switching rice labels, packages	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/07/09/salahuddin-domestic-trade-ministry-to-take-stern-action-against-those-switching-rice-labels-packages/78764	MALAYMAIL

10-Jul	KPDN ambil tindakan tegas pihak tukar bungkusan atau label beras	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/267333	SH
10-Jul	Stern action against those switching rice labels, packages — KPDN	https://selangorjournal.my/2023/07/stern-action-against-those-switching-rice-labels-packages-kpdn/	SELANGORJOURNAL
10-Jul	Pihak tukar bungkusan, label beras bakal berdepan tindakan, kata KPDN	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/451519	THEMALAYSIANINSIGHT
10-Jul	Proses rasionalisasi minyak masak subsidi pastikan agihan secara adil	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/07/1124447/proses-rasionalisasi-minyak-masak-subsidi-pastikan-agihan-secara	BH
10-Jul	Proses rasionalisasi minyak masak bersubsidi pastikan agihan secara adil - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/proses-rasionalisasi-minyak-masak-bersubsidi-pastikan-agihan-secara-adil-salahuddin-427377%3famp=1	ASTROAWANI
10-Jul	Proses rasionalisasi minyak masak bersubsidi, agihan secara adil	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/267368	SH
10-Jul	Rationalising distribution of subsidised cooking oil will solve shortages in future, says Salahuddin	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/09/rationalising-distribution-of-subsidised-cooking-oil-will-solve-shortages-in-future---salahuddin	THESTAR
10-Jul	FE MIRF 2023: Franchise Expo opens new opportunities	https://cj.my/132768/fe-mirf-2023-franchise-expo-opens-new-opportunities/	CJ.MY